



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 1/2025

PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2023

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu 24 Februari 2025 (Isnin) setelah mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini merupakan pembentangan LKAN yang pertama bagi tahun 2025.
2. Secara umumnya, LKAN melaporkan pengurusan kewangan dan tatakelola wang awam Agensi Persekutuan. Segala kelemahan dan ketidakpatuhan oleh mana-mana pihak yang diaudit akan dilaporkan bersama-sama dengan syor oleh Ketua Audit Negara bagi tujuan penambahbaikan di masa akan datang.
3. LKAN kali ini memberi tumpuan kepada tiga isu, iaitu Pengesahan Penyata Kewangan, Analisis Penyata Kewangan dan juga Fokus Utama Audit (Key Audit Area - KAA).

i. Pengesahan Penyata Kewangan

- a. Setakat 8 Januari 2025, sebanyak 142 daripada 145 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2023 telah dikemukakan untuk pengesahan Ketua Audit Negara dan telah selesai pensijilan.
- b. Namun, tiga Agensi yang belum mengemukakan penyata kewangan untuk pengesahan Ketua Audit Negara adalah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LABUAN FSA), Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (TLFSA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).
- c. Daripada 142 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 yang telah selesai pensijilan, 133 telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (*unmodified opinion*). Seterusnya,

sembilan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai (*modified opinion*), iaitu lapan Pendapat Bertegur dan satu Pendapat Bertentangan.

- d. Pada tahun 2023, hanya satu Agensi Persekutuan yang mendapat pensijilan Pendapat Diubahsuai bagi tempoh tiga tahun berturut-turut, iaitu dari tahun 2021 hingga 2023 berbanding tiga agensi pada tahun sebelumnya.
- e. Pada tahun 2024, JAN telah memuat naik jenis Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Agensi Persekutuan melalui Papan Pemuka Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard – AGD*) untuk tujuan pemantauan. Mulai tahun ini, JAN telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan kepada paparan AGD dengan memperincikan isu-isu yang perlu disusul dalam Sijil Ketua Audit Negara dan Fokus Utama Audit (KAA).

ii. Analisis Penyata Kewangan

Analisis Penyata Kewangan bertujuan menilai prestasi kewangan Agensi Persekutuan terhadap lima perkara, iaitu Aset dan Liabiliti, Geran Kerajaan Persekutuan, Pinjaman Diterima, Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari serta Lebihan atau Kurangan Semasa seperti berikut:

- a. Perbandingan antara aset dan liabiliti mendapati 142 Agensi Persekutuan mempunyai aset berjumlah RM2.696 trilion berbanding liabiliti berjumlah RM0.871 trilion. Bagaimanapun, lima daripadanya menunjukkan jumlah liabiliti yang lebih tinggi berbanding jumlah aset.
- b. Sebanyak 98 daripada 142 Agensi Persekutuan telah menerima geran berjumlah RM33.628 bilion daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2023 yang terdiri daripada geran mengurus sejumlah RM16.305 bilion dan geran pembangunan sejumlah RM17.323 bilion. Manakala 97 Agensi Persekutuan mempunyai baki geran pembangunan berjumlah RM21.399 bilion.
- c. Daripada 142 Agensi Persekutuan, 20 mempunyai pinjaman diterima berjumlah RM126.564 bilion daripada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan. Lima daripadanya merupakan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM99.058 bilion. Manakala empat agensi membuat pinjaman baharu berjumlah RM7.309 bilion pada tahun 2023.

- d. Sebanyak 59 Agensi Persekutuan mempunyai 217 syarikat subsidiari dengan pelaburan berjumlah RM65.145 bilion. Daripada jumlah tersebut, 191 syarikat subsidiari berstatus aktif manakala 26 berstatus dormant. Tiga daripada 217 syarikat subsidiari merupakan syarikat baharu yang ditubuhkan dengan nilai pelaburan sejumlah RM85.96 juta. Sebanyak 131 (60.4%) daripada 217 syarikat subsidiari telah mencatatkan keuntungan berjumlah RM4.087 bilion manakala baki 86 (39.6%) syarikat subsidiari mengalami kerugian berjumlah RM2.810 bilion.
- e. Hanya 81 (37.3%) daripada 217 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM2.829 bilion kepada 32 Agensi Persekutuan pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, 14 (17.3%) telah membayar dividen berjumlah RM1.432 bilion kepada 10 Agensi Persekutuan walaupun mengalami kerugian pada tahun semasa.
- f. Pada tahun 2023, sebanyak 39 Agensi Persekutuan memberikan pendahuluan dan pinjaman kepada 94 syarikat subsidiari berjumlah RM16.849 bilion yang terdiri daripada pendahuluan kepada 81 syarikat subsidiari berjumlah RM14.105 bilion dan pinjaman kepada 13 syarikat subsidiari berjumlah RM2.744 bilion.
- g. Seterusnya, lebihan semasa selepas cukai dan zakat berjumlah RM73.886 bilion telah direkodkan oleh 97 agensi manakala 45 agensi mengalami kurangan semasa berjumlah RM2.011 bilion pada tahun 2023.

iii. Fokus Utama Audit (KAA)

Fokus Utama Audit dalam LKAN kali ini meliputi:

- a. Isu usaha berterusan (*going concern*) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) berdasarkan kedudukan kewangannya setakat 31 Disember 2023. Kemampuan SWCorp menampung kos operasi dan komitmen kewangan pada masa hadapan adalah bergantung kepada tambahan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- b. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) perlu mengkaji semula mekanisme kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan dan meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman pendidikan. Sehingga 31 Disember 2023, tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN adalah berjumlah RM10.853 bilion melibatkan 1.20 juta peminjam. Bayaran balik pinjaman pendidikan yang tertunggak juga menunjukkan

peningkatan dari tahun 2019 hingga 2023.

- c. Pelaksanaan pengurusan Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) oleh lima Universiti Penyelidikan [Research University (RU)] Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memerlukan pemantauan secara berkala bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan. Laporan audit menunjukkan tahap kemajuan projek penyelidikan DPF berada pada tahap kurang memuaskan (53.9%). Hanya 11.3% projek yang dilaksanakan berada pada tahap baik, sementara 7.3% dikategorikan sebagai bermasalah.
4. Menerusi LKAN pada kali ini, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 10 syor kepada Agensi Persekutuan bagi tujuan penambahbaikan antaranya seperti berikut:
 - a. Tindakan proaktif untuk meningkatkan kawalan dalaman agensi dan menambah baik sistem kewangan sejajar dengan keperluan piawaian perakaunan yang diterima pakai, bagi memastikan pelaporan kewangan adalah tepat dan pengurusan tatakelola kewangan yang berkesan;
 - b. Memastikan keupayaan Agensi Persekutuan untuk meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan dan mengurangkan liabiliti yang bersifat komitmen kewangan serta mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan; dan
 - c. Mengkaji semula hala tuju dan pelan perniagaan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian dan tidak memberikan pulangan sewajarnya. Selain itu, Agensi Persekutuan juga perlu memberi perhatian serius termasuk mengambil tindakan untuk menutup syarikat subsidiari berstatus dormant atau tidak aktif melebihi lima tahun.
5. Mandat dan kuasa Ketua Audit Negara telah diperluaskan melalui pindaan Akta Audit 1957 [*Akta 62*] yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024 dan di Dewan Negara pada 24 Julai 2024. Antara pindaan Akta 62 adalah mengenai kuasa pengauditan terhadap badan lain termasuk syarikat yang menerima kepentingan dalam bentuk Jaminan Kerajaan dan kuasa pengauditan melalui pendekatan *Follow The Public Money*, atas dasar kepentingan awam.
6. Pindaan ini juga melibatkan kuasa Ketua Audit Negara untuk melaksanakan susulan Audit terhadap apa-apa syor, ulasan atau pandangan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Tindakan ini bagi memastikan syor, ulasan atau pandangan Ketua Audit Negara sentiasa diberi perhatian serius dan diambil tindakan sewajarnya oleh mana-mana pihak berkenaan sama ada Kementerian, Jabatan atau Agensi Kerajaan, serta mana-mana badan lain yang

tertakluk kepada kuasa pengauditan Ketua Audit Negara. Isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN kali ini akan disusuli oleh JAN melalui AGD atau Jawatankuasa Susulan LKAN yang bersidang secara berkala dan dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Audit Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

7. LKAN mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangan di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://lkan.audit.gov.my>. Sebarang pertanyaan lanjut/ pandangan mengenai Laporan ini bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.
8. Paparan secara terperinci tersebut melalui AGD ini menunjukkan kepentingan tatakelola pengurusan kewangan yang baik melalui prinsip ketelusan, akauntabiliti, kecekapan dan keberkesanan dalam menangani syor, ulasan atau pandangan yang dilaporkan dalam LKAN. AGD boleh dicapai melalui alamat <https://agddashboard.audit.gov.my/>.
9. Menerusi laporan pengauditan dan platform yang telah disediakan, Ketua Audit Negara berharap Kerajaan dan Rakyat mendapat gambaran yang sebenar serta penjelasan yang telus tanpa prasangka mengenai pengurusan wang awam dan tatakelola yang diamalkan oleh pihak-pihak yang telah dipertanggungjawabkan.

DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI

KETUA AUDIT NEGARA

24 FEBRUARI 2025



<https://lkan.audit.gov.my/>